

Terms and Conditions **Terma dan Syarat**

1. Eligibility & Contest Period **Kelayakan & Tempoh Peraduan**

- 1.1. This #WeGoBeyond (“Contest”) is organised by Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (“PERODUA”) and is open to individuals residing in Malaysia, aged 16 years and above as of 1 March 2021 who reside in Malaysia and have a valid MyKad and bank account in Malaysia.

Peraduan #WeGoBeyond ("Peraduan") ini dianjurkan oleh Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. ("Perodua") dan terbuka kepada individu berumur 16 tahun dan ke atas pada 1 Mac 2021 yang bermastautin di Malaysia, mempunyai MyKad yang sah dan akaun bank di Malaysia.

- 1.2. All employees and/or agents of advertising and/or promotion service providers of PERODUA (including its affiliated and related companies) and their immediate family members and/or PERODUA’s elected printing vendors and also their elected online web application technology providers (including their immediate family members) are not eligible for this contest.

Semua kakitangan dan/atau ejen pengiklanan dan/atau promosi Penyedia Perkhidmatan PERODUA (termasuk syarikat-syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga terdekat dan/atau vendor percetakan yang dipilih PERODUA dan penyedia teknologi aplikasi web mereka (termasuk ahli keluarga terdekat) adalah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

- 1.3. This Contest shall run from 0:00:00 on 14 December 2021 to 23:59:59 on 14 January 2022 (“Contest Period”). Entries received after 23:59:59 on 14 January 2022 will not be entertained. PERODUA reserves the right to amend the Contest Period at any time without any notice.

Peraduan ini akan berlangsung dari 0:00:00 pada 14 Disember 2021 hingga 23:59:59 pada 14 Januari 2022 (“Tempoh Peraduan). Penyertaan yang diterima selepas 23:59:59 pada 14 Januari 2022 tidak akan dilayan. PERODUA berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.

2. How to Participate **Cara Penyertaan**

- 2.1. In order to participate in the Contest, participants must:

Untuk menyertai Peraduan ini, peserta perlu:

Step 1: Complete the last 2 lines of the song and share the lyrics on any related posting of this contest on Perodua's Facebook with the hashtags #WeGoBeyond #Perodua.

Langkah 1: Lengkapkan 2 baris akhir lirik dan kongsikan pada mana-mana hantaran Peraduan di FB PERODUA. Sertakan hashtag #WeGoBeyond #Perodua.

Step 2: Complete your entry by submitting your details via the Google Link Form on the related Facebook postings.

Langkah 2: Mengisi butiran peribadi di Borang Pautan Google yang terdapat pada hantaran tersebut.

- 2.2. Entry must be in Bahasa Malaysia only.

Penyertaan mestilah dalam Bahasa Malaysia sahaja.

- 2.3. Participants may submit more than one entry. Incomplete entries will be disqualified.

Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan. Penyertaan yang tidak lengkap akan terbatal.

- 2.4. Entries must be submitted through participant's own Facebook account.

Penyertaan hendaklah dihantar menggunakan akaun Facebook peserta sendiri.

- 2.5. Only entries from individuals will be accepted. Any entry that PERODUA believes has been made (a) via participation in a syndicate or (b) via any form of machine-assisted intervention enabling computer generated multiple entries, will be disqualified. PERODUA reserves the right to discount multiple entries from the same IP address.

Penyertaan secara individu sahaja akan diterima. Jika PERODUA mendapati mana-mana penyertaan yang dipercayai dilakukan secara (a) bersindiket atau (b) menerusi sebarang bentuk bantuan mesin yang membolehkan komputer menghantar berbilang penyertaan, maka penyertaan tersebut akan terbatal. PERODUA berhak untuk menyingkirkan penyertaan berbilang yang dilakukan daripada alamat IP yang sama.

- 2.6. A panel of judges selected by PERODUA shall, in its full and absolute discretion, select 6 of the most creative, original and well-structured lyrics as winners of this contest.

Panel hakim yang dipilih oleh PERODUA, mengikut budi bicara penuh dan mutlak, akan memilih 6 lirik paling kreatif, asli dan mempunyai struktur frasa yang baik sebagai pemenang-pemenang Peraduan ini.

- 2.7. All entries must include the hashtag #WeGoBeyond and #Perodua or entries will be disqualified. PERODUA will not be responsible for entries that are lost, delayed or misdirected.

Semua penyertaan mestilah menyertakan hashtag #WeGoBeyond dan #Perodua atau penyertaan tersebut akan terbatal. PERODUA tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana penyertaan yang hilang, lewat atau tersalah hantar.

- 2.8. If there are entries of the same lyrics, the entry that was submitted at the earliest time will be accepted.

Jika terdapat penyertaan yang menggunakan lirik yang sama, maka penyertaan yang dihantar pada waktu terawal akan diterima.

3. Prizes and Selection of Winners

Hadiah-hadiah dan Pemilihan Pemenang

- 3.1. One (1) winner will be selected as the main winner, and five (5) other winners will be selected as consolation winners. The Main winner will receive the latest iPhone flagship smartphone or a cash prize of equivalent value and each of consolation prize winner will receive a RM500 cash prize. Regardless of multiple entries, each winner is entitled to win only one (1) prize.

Seorang (1) pemenang akan dipilih sebagai pemenang utama, dan lima (5) orang pemenang lain akan dipilih sebagai pemenang sugu hati. Pemenang Utama akan menerima telefon pintar iPhone terkini atau wang tunai yang sama nilainya dan setiap pemenang sugu hati akan menerima hadiah wang tunai RM500. Tanpa mengira jumlah penyertaan, setiap pemenang hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.

- 3.2. Winners will be notified via phone and will need to verify their personal details with the Contest management team. If a winner cannot be contacted after three (3) attempts, PERODUA reserve the right to forfeit the entry without any further notice.

Pemenang akan menerima makluman kemenangan menerusi telefon. Pemenang perlu mengesahkan butiran peribadi mereka dengan pihak pengurusan Peraduan. Jika pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan, PERODUA berhak untuk membatalkan penyertaan pemenang tanpa memberikan sebarang notis.

- 3.3. The Contest management team will request for the winner's email in order to send them a form to fill their details. The Contest management team may also need to verify winners through confirmation of details including:

- Contestant's full name (as per IC)
- Contestant's IC number

Pihak pengurusan Peraduan akan mendapatkan butiran e-mel pemenang untuk menghantar borang butiran peribadi yang perlu diisi oleh pemenang.

Selain itu, pihak pengurusan Peraduan juga mungkin perlu mengesahkan butiran peribadi pemenang termasuk:

- *Nama penuh pemenang (seperti dalam MyKad)*
- *Nombor MyKad pemenang*

- 3.4. Winners' names will be announced on the Perodua's Facebook and PERODUA will notify the winners through the comments section or by any other means of communication deemed fit by PERODUA. PERODUA will contact the winner using the particulars given during registration and PERODUA shall not be held responsible in the event that the winner could not be reached for any reason or the winner is not notified of the outcome of the Contest.

Nama-nama pemenang akan diumumkan di Facebook PERODUA. Pemenang juga akan menerima makluman kemenangan menerusi bahagian komen di Facebook PERODUA atau lain-lain cara komunikasi yang difikirkan sesuai. PERODUA akan menghubungi pemenang menggunakan butiran yang diberikan semasa pendaftaran dan tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi dengan apa jua alasan atau pemenang tidak maklum mengenai keputusan Peraduan.

- 3.5. PERODUA reserves the right to, at any time and without prior notice, substitute the Prize with another item of a different value. All prizes are non-transferable and are not exchangeable or redeemable for cash or any other item.

PERODUA berhak pada bila-bila masa dan tanpa memberikan sebarang makluman awal untuk menggantikan Hadiah dengan barang lain atau nilainya sebagai Hadiah. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar atau ditebus dengan wang tunai atau barang lain.

- 3.6. PERODUA shall not be liable in any way with regards to the quality and the suitability of the prizes offered.

PERODUA tidak akan bertanggungjawab terhadap kualiti dan kesesuaian hadiah-hadiah yang ditawarkan.

- 3.7. The grand prize will be sent via courier to the winner, and cash prizes will be sent via bank transfer. PERODUA will not be held liable or responsible for prizes lost or damaged in the delivery process.

Hadiah utama akan dihantar melalui kurier kepada pemenang, dan hadiah wang tunai akan dihantar menerusi pindahan bank. PERODUA tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran.

- 3.8. In the event a winner fails to provide all the necessary information within two (2) weeks from the announcement date, the winner shall be deemed to have forfeited all claims to the prize. The contest winner hereby undertakes that no claims whatsoever will be made against PERODUA in respect of

the prize. PERODUA reserves the right to pass the prize to another Participant at its sole discretion.

Sekiranya pemenang gagal memberikan semua maklumat yang diperlukan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemakluman kemenangan, pemenang akan dianggap telah kehilangan semua tuntutan terhadap hadiah kemenangan. Pemenang dengan ini berjanji bahawa tiada sebarang tuntutan akan dibuat terhadap PERODUA berkenaan hadiah. PERODUA berhak untuk memberikan hadiah kepada Peserta lain mengikut budi bicara mutlaknya.

- 3.9. By participating in this contest, winners hereby grant PERODUA the right to broadcast names and pictures or display any matter related to any of the winners for advertising purposes and publicity related to the Contest without any further notice to the winners. Winners are hereby notified that PERODUA will, subject to prior notification as to the schedule and location of filming, have the right to record the winner's experience in any media deemed appropriate (including but not limited to video and audio recordings) under the Contest for future promotional purposes. The winners are not entitled to claim any payment in any form, fee or compensation for the use of their images or details in relation to the above.

Dengan menyertai peraduan ini, pemenang dengan ini memberikan PERODUA hak untuk menyiaran nama dan gambar atau memaparkan perkara yang berkaitan dengan mana-mana pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Peraduan tanpa makluman lebih lanjut kepada pemenang. Pemenang dengan ini dimaklumkan bahawa PERODUA, tertakluk kepada makluman awal mengenai jadual dan lokasi penggambaran, berhak merakam pengalaman pemenang di mana-mana media yang difikirkan sesuai (termasuk tetapi tidak terhad kepada rakaman video dan audio) di bawah Peraduan untuk tujuan promosi di masa depan. Pemenang tidak berhak untuk menuntut pembayaran dalam apa jua bentuk, yuran atau pampasan atas penggunaan foto atau butiran yang berkaitan dengan perkara di atas.

- 3.10. PERODUA may at its absolute discretion reject or disqualify an entry without giving any reason whatsoever to any participant or any other party.

PERODUA mengikut budi bicara mutlaknya boleh menolak atau membatalkan penyertaan tanpa memberikan apa jua alasan kepada mana-mana peserta atau pihak lain.

- 3.11. PERODUA reserves the right, in its sole discretion, to disqualify and remove any lyrics that do not comply with the following requirements, even after the entry is submitted on Perodua's Facebook. Participant warrant and represent, in respect of each lyrics submitted, as follows:

PERODUA berhak mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan dan membuang mana-mana lirik yang tidak memenuhi syarat berikut,

walaupun selepas penyertaan dihantar di Facebook PERODUA. Peserta menjamin dan mewakili, bagi setiap lirik yang disampaikan, adalah seperti berikut:

- 3.11.1. Participants are the sole owner and author of each Entry.

Peserta adalah pemilik tunggal dan penulis asal bagi setiap Penyertaan.

- 3.11.2. Participants have the right to make their Entry available to the Contest.

Peserta mempunyai hak untuk menghantar Penyertaan mereka bagi menyertai Peraduan.

- 3.11.3. Each Entry does not contain personally identifiable information about the Participant or any other person(s).

Setiap Penyertaan tidak mengandungi maklumat peribadi mengenai Peserta atau orang lain.

- 3.11.4. Each Entry does not contain any infringing, threatening, false, misleading, abusive, harassing, libelous, defamatory, vulgar, obscene, scandalous, inflammatory, pornographic or profane content.

Setiap Penyertaan tidak mengandungi kandungan yang melanggar, mengancam, palsu, menyesatkan, kesat, mengancam, menipu, memfitnah, lucah, jelik, melampau, menghasut, berunsur pornografi atau tidak senonoh.

- 3.11.5. Each Entry does not contain any material that could constitute or encourage conduct which would be considered a criminal offence, give rise to civil liability, or otherwise violate any law.

Setiap Penyertaan tidak mengandungi sebarang kandungan yang dapat membentuk atau mendorong perilaku yang dianggap sebagai kesalahan jenayah, menimbulkan liabiliti sivil atau melanggar mana-mana undang-undang.

- 3.11.6. Each Entry does not infringe upon the copyrights, trademarks, contract rights, or any other intellectual property rights of any third person or entity, or violate any person's rights of privacy or publicity, and Your Entry does not include:

- i. Trademarks owned by third parties.
- ii. Copyrighted materials owned by third parties (including movie dialogue or musical compositions).

Setiap Penyertaan tidak melanggar hak cipta, tanda dagang, hak kontrak atau hak harta intelek mana-mana individu ketiga atau entiti lain, atau melanggar hak privasi atau publisiti mana-mana individu, dan Penyertaan Peserta tidak termasuk:

- i. *Tanda dagang yang dimiliki oleh pihak ketiga.*
- ii. *Bahan hak cipta yang dimiliki oleh pihak ketiga (termasuk dialog filem atau komposisi muzik).*

- 3.12. By participating in this Contest, all participants are fully aware and agree to be liable to all the terms, conditions and decisions made by PERODUA. All decisions made with regards to this Contest are final and no correspondence therein shall be entertained.

Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta telah maklum secara sepenuhnya dan bersetuju terhadap semua terma, syarat dan keputusan yang dibuat oleh PERODUA. Semua keputusan yang dibuat berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

- 3.13. Non-compliance by the participant and/or winner with any of the terms and conditions will also be responsible to indemnify PERODUA on any loss suffered due to non-compliance of the terms and conditions.

Ketidakpatuhan oleh peserta dan/atau pemenang terhadap mana-mana terma dan syarat akan memberikan pengecualian kepada PERODUA untuk memberikan ganti rugi ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh peserta/pemenang.

- 3.14. PERODUA reserves the right to shorten, extend or end the duration of the Contest Period at anytime prior to the expiry of the Contest Period without prior notice and reserves the right to vary, modify, delete, or change any of the terms and conditions herein at anytime at its absolute discretion without prior notice.

PERODUA berhak untuk memendekkan, memanjangkan atau mengakhiri jangka masa Peraduan pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Peraduan tanpa makluman terlebih dahulu. PERODUA berhak untuk menukar, meminda, membuang, atau mengubah mana-mana terma dan syarat di sini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya tanpa makluman terlebih dahulu.

- 3.15. These terms and conditions are subject to participant express and/or explicit consent to the Personal Data Protection Act Notice as found at www.perodua.com.my

Terma dan syarat ini adalah tertakluk kepada persetujuan peserta secara jelas dan/atau sebaliknya terhadap Notis Akta Perlindungan Data Peribadi seperti yang terdapat di www.perodua.com.my

- 3.16. PERODUA reserves the right to amend the Terms and Conditions of the Contest at any time without giving any prior notice to any party.

PERODUA berhak untuk mengubah Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan makluman terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.

In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Contest, the Terms and Conditions posted on www.perodua.com.my shall take precedence.

Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubung Peraduan, maka Terma dan Syarat yang dipaparkan di www.perodua.com.my akan diguna pakai.